

Nama: _____ Kelas: _____

Tarikh: _____



Gejala buli merupakan masalah yang meliputi kegiatan seperti memeras ugut, menghina, mengejek, menumbuk, memaki dan sebagainya yang dilakukan oleh seseorang terhadap mangsa. Gejala buli sering terjadi dalam kalangan pelajar dan masalah ini semakin membimbangkan. Terdapat penyebab berlakunya gejala buli dalam kalangan pelajar yang memerlukan kerjasama ibu bapa, guru-guru dan masyarakat untuk berganding bahu menangani masalah ini.

Antara punca utama berlakunya gejala buli ialah kurangnya didikan agama. Ibu bapa terlalu sibuk dengan urusan dunia sehingga tiada masa untuk mendidik anak-anak di rumah. Kurangnya pemantauan daripada ibu bapa juga menyebabkan anak-anak merasakan segala yang mereka buat itu benar. Dalam hal ini, ibu bapa perlu peka sebarang perubahan perangai anak-anak yang sering membuli kawan-kawannya. Ibu bapa perlu mengajar anak-anak untuk membezakan perbuatan yang baik dan salah.

Punca lain berlakunya gejala buli ialah kurang perhatian dan keharmonian dalam keluarga. Kurangnya kasih sayang atau perhatian di rumah juga boleh menyebabkan anak-anak tertekan dan melepaskan tekanan itu kepada yang lain dengan cara membuli. Ibu bapa perlu memberikan contoh yang baik dan asuhan yang sempurna.

Selain itu, gejala buli boleh berlaku disebabkan pengaruh rakan sebaya. Golongan pembuli mudah terpedaya untuk mencuba sesuatu yang baharu tanpa memikirkan akibatnya. Mereka ingin dilihat hebat dan disegani sedangkan perbuatan tersebut sebenarnya menyalahi nilai kemanusiaan.

Seterusnya, kerana pengaruh televisyen media massa. Adegan berunsur keganasan dan tindakan negatif boleh mempengaruhi remaja. Sebagai contoh, anak-anak mereka mudah ingin mencuba perkara baharu. Salah satu perbuatan kekerasan yang dianggap sesuatu bagi mempertahankan diri sendiri. Hal ini perlu ditangani oleh pihak-pihak tertentu agar adegan keganasan tidak sewajarnya menjadi tontonan umum.

Dalam perkara ini, ada beberapa cara untuk mengatasi gejala buli dalam kalangan pelajar. Antaranya, peranan ibu bapa yang perlu mengawasi anak-anak mereka daripada terlibat dengan buli. Antara caranya adalah dengan memantau kegiatan anak-anak mereka. Pihak sekolah juga perlu mengambil berat dan tindakan berkaitan dengan buli. Hal ini dengan mengadakan taklimat "Anti buli" dengan mengajak pihak tertentu datang ke sekolah. Ini sedikit sebanyak membantu pelajar sekolah mengetahui akan keburukan perbuatan buli tersebut.

Kesimpulannya, ibu bapa harus memastikan anak mereka tidak terlibat dalam masalah ini. Kita juga perlu memikirkan nasib mangsa buli. Pihak sekolah dan ibu bapa hendaklah memberi kerjasama untuk mendidik anak-anak supaya tidak terlibat dalam masalah buli. Jika gejala buli ini tidak ditangani, akan menyebabkan anak-anak stres dan terperangkap jika mereka tidak tahu cara untuk menyelesaikan masalahnya. Selain itu, anak-anak akan mengalami sindrom yang kurang sihat seperti pengasingan diri, enggan hadir ke sekolah dan terlalu risau atau takut.

Soalan Kefahaman: Gejala Buli dalam Kalangan Pelajar

Arahan: Jawab semua soalan berikut dalam ayat yang lengkap.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan gejala buli?

Gejala buli merupakan _____

2. Dalam kalangan siapakah gejala buli sering berlaku?

Gejala buli sering terjadi _____

3. Apakah punca utama berlakunya gejala buli?

Punca utama berlakunya gejala buli ialah _____

4. Mengapakah ibu bapa perlu mengawasi anak-anak mereka?

perlu	anak-anak	supaya	mereka	dalam	Ibu bapa
tidak	gejala	terlibat	buli	mengawasi	

5. Bagaimanakah ibu bapa dapat membantu mencegah gejala buli?

perlu	membezakan	mengajar	yang	anak-anak	Ibu bapa
	perbuatan	baik	salah	dan	

6. Selain kurang didikan agama, nyatakan satu lagi punca gejala buli.

Satu	ialah	punca	kurang	buli	perhatian
dan	lagi	dalam	gejala	keluarga	keharmonian

7. Bagaimanakah pengaruh rakan sebaya boleh menyebabkan gejala buli?
- a) Pengaruh rakan sebaya boleh menyebabkan gejala buli apabila seseorang mudah panik dalam melakukan perkara yang tidak baik.
 - b) Pengaruh rakan sebaya boleh menyebabkan gejala buli apabila seseorang mudah terikut-ikut melakukan perkara yang tidak baik.
 - c) Pengaruh rakan sebaya boleh menyebabkan gejala buli apabila seseorang mudah ikut perasaan sendiri untuk melakukan perkara yang tidak baik.
8. Apakah kesan tontonan adegan keganasan terhadap remaja?
- a) Adegan keganasan boleh mempengaruhi remaja untuk meniru perbuatan negatif dan ganas.
 - b) Adegan keganasan boleh mempengaruhi remaja untuk kelihatan hodoh dan wajah yang ganas.
 - c) Adegan keganasan boleh mempengaruhi remaja untuk jadi penakut pada pengganas.
9. Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk mengatasi gejala buli?
- a) Pihak sekolah boleh mengadakan taklimat hadir ke sekolah dan mengambil kedatangan terhadap pelajar yang membuli.
 - b) Pihak sekolah boleh mengadakan taklimat anti-buli dan mengambil tindakan terhadap pelajar yang membuli.
 - c) Pihak sekolah boleh mengadakan taklimat kesihatan dan mengambil ujian darah para pelajar yang membuli.
10. Nyatakan dua kesan gejala buli terhadap mangsa.
- a) Mangsa akan mengalami tekanan dan stres.
 - b) Mangsa menjadi takut atau sering hadir ke sekolah.
 - c) Mangsa menjadi garang dan pemarah.